



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KOD MATA PELAJARAN : BPK 3072

KURSUS : 3 BIT

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN :

BAHAGIAN A : JAWAB **SEMUA** SOALAN

BAHAGIAN B : JAWAB DUA (2) SOALAN SAHAJA
DARIPADA TIGA (3) SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan.

- S1 (a) Konsep asas pampasan pekerjaan ialah membolehkan pekerja yang mengalami kecederaan mendapat pampasan yang sewajarnya tanpa perlu mengheret majikannya ke mahkamah. Nyatakan aspek asas kewujudan pampasan pekerjaan. (4 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas **empat** objektif utama pampasan pekerjaan. (8 markah)
- (c) Jelaskan kaedah yang diguna pakai untuk menyelesaikan masalah bagi pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja. (6 markah)
- (d) Senaraikan **empat** jenis pekerjaan yang tidak dikawal atau dilindungi di bawah Akta Pampasan Pekerjaan 1952 (2 markah)
- S2 (a) Terangkan dengan ringkas tujuan dan matlamat Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. (5 markah)
- (b) Seksyen 30, Akta 514 mewajibkan majikan yang mempunyai bilangan pekerja melebihi 40 orang menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan. Nyatakan fungsi dan keahlian jawatankuasa tersebut. (8 markah)
- (c) Jelaskan dengan ringkas tugas dan tanggungjawab Pegawai Keselamatan & Kesihatan mengikut Akta 514. (7 markah)

- S3 (a) Bincangkan perbezaan antara *hazard*, risiko dan bahaya dengan menggunakan contoh yang sesuai. (8 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas contoh *Hazard Intrinsik* iaitu bahan yang sifatnya sendiri boleh mengakibatkan kemudaratan. (8 markah)
- (c) Jelaskan bagaimana keadaan alam sekitar mempengaruhi cara manusia bekerja. (4 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)Jawab **DUA** soalan sahaja.

S4 Encik Abu merupakan seorang penyelia tapak binaan di sebuah syarikat pembinaan Kamilia Sdn Berhad. Semasa menjalankan tugas di tapak binaan, beliau ditimpa kemalangan apabila seketul bata terjatuh dari tingkat dua dan menimpanya. Pada ketika itu beliau tidak memakai topi keselamatan kerana belum menerimanya daripada syarikat, yang menyebabkan beliau telah mengalami kecederaan parah. Apakah tindakan-tindakan yang perlu ambil oleh Encik Abu terhadap majikannya? Bincangkan perkara-perkara yang perlu dilakukan olehnya dalam proses untuk membuat tuntutan pampasan daripada majikannya.

(20 markah)

S5 Syarikat Mime Azrina & Co Sdn. Bhd. menjalani aktiviti yang melibatkan penggunaan bahan kimia yang merbahaya. Syarikat ini mempunyai buku manual prosedur keselamatan pekerjaan yang hanya disimpan oleh penyelia di pejabatnya. Suatu hari di waktu rehat Encik Jusdy, seorang pekerja tertidur di stor simpanan bahan beracun dan mengalami keracunan. Beliau tidak mengetahui bahawa bahaya yang bakal menimpa jika memasuki stor tersebut kerana tiada sebarang tanda amaran. Berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, bincangkan sama ada Encik Jusdy boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap Syarikat Mime Azrina & Co kerana kesalahan kecuaiian.

(20 markah)

S6 Kyushairi telah dilantik oleh syarikatnya sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap keselamatan di tempat kerja. Syarikat ini merupakan sebuah kilang yang menggunakan bahan kimia dalam aktivitinya. Kyushairi dikehendaki mengenal pasti *hazard* yang terdapat di tempat kerja. Bincangkan proses dan kaedah untuk mengenal pasti *hazard* tersebut.

(20 markah)